

RISALAH KETERANGAN PRODUK

BIMB / FLEXI FUND

TARIKH: 1 JUN 2019

**PENGURUS:
BIMB INVESTMENT MANAGEMENT BERHAD
(276246-X)**

**PEMEGANG AMANAH:
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD
(766894-T)**

PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB

Risalah Keterangan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh pengarah-pengarah BIMB Investment Management Berhad dan mereka secara bersama dan individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan maklumatnya. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan atau peninggalan fakta lain yang akan menjadikan mana-mana pernyataan dalam Risalah Keterangan Produk ini palsu atau mengelirukan.

PERNYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan BIMB *i* Flexi Fund dan salinan Risalah Keterangan Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran bagi BIMB *i* Flexi Fund dan serah simpan Risalah Keterangan Produk ini tidak seharusnya dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan BIMB *i* Flexi Fund atau bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana pernyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Risalah Keterangan Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidakdedahan oleh BIMB Investment Management Berhad yang mana bertanggungjawab terhadap BIMB *i* Flexi Fund dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Risalah Keterangan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan tentang ketepatan atau kesempurnaan Risalah Keterangan Produk ini dan menafikan secara nyata apa jua liabiliti yang timbul daripada atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungannya.

NOTA: RISALAH KETERANGAN PRODUK INI ADALAH TERJEMAHAN DARIPADA VERSI BAHASA INGGERIS. JIKA TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN KANDUNGAN, RISALAH KETERANGAN PRODUK VERSI BAHASA INGGERIS DIANGGAP MUKTAMAD.

Risalah Keterangan Produk ini hanya menekankan ciri penting dan risiko tentang produk pasaran modal yang tidak tersenarai ini. Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami dokumen-dokumen penzahiran sebelum membuat keputusan untuk melabur.

RISALAH KETERANGAN PRODUK

BIMB / FLEXI FUND

MAKLUMAT RINGKAS TENTANG PRODUK

1. Apakah produk ini ?

Kategori Produk	Aset Campuran Berlandaskan Syariah	Jenis Produk	Pertumbuhan
Pengurus	BIMB Investment Management Berhad	Pemegang Amanah	AmanahRaya Trustees Berhad
Tarikh Permulaan	25 Mac 2014	Dasar Pengagihan	Pengagihan pendapatan adalah sampingan.
Kekerapan Urus Niaga	Setiap Hari Urus Niaga	Tahun Kewangan Berakhir	31 Mac
Modal Dijamin	Tidak	Penanda Aras	<p>Penanda aras prestasi yang dipilih untuk Dana ini adalah berdasarkan nisbah 50:50 Indeks FBM Emas Syariah dan Deposit Bertempoh-i Tawarruq (TDT-i) 12 bulan Bank Islam Malaysia Berhad.</p> <p>Nota: Penanda aras ini mencerminkan strategi pelaburan dan peruntukan aset Dana, di mana Dana dibenarkan untuk melabur aset di dalam ekuiti patuh Syariah serta Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam, bergantung kepada prospek pasaran. Profil risiko Dana tersebut tidak sama seperti profil risiko prestasi penanda aras.</p> <p>Sumber: www.bursamalaysia.com dan www.bankislam.com.my</p>

KESESUAIAN PRODUK

2. Produk ini sesuai untuk siapa?

Profil Pelabur	Dana ini sesuai bagi pelabur yang: <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai toleransi risiko sederhana hingga tinggi; • Ingin memperolehi pertumbuhan modal; • Tidak mencari aliran pendapatan tetap; dan • Mempunyai ufuk pelaburan jangka masa panjang melebihi lima (5) tahun.
Profil Risiko Pelabur	Sederhana hingga tinggi
Ufuk Pelaburan	Jangka masa panjang melebihi lima (5) tahun.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah pelaburan yang saya buat?

Prinsip Syariah yang Diguna Pakai	<p>1- Pelabur melantik Pengurus untuk mengurus dan melaburkan dana di bawah kontrak Islam "<i>Wakalah Bil Istithmar</i>" atau Agensi untuk Pelaburan.</p> <p>2- BIMB Invest dilantik untuk menjalankan aktiviti pelaburan bagi pihak pelabur dengan mengenakan fi ("<i>Ujrah</i>").</p> <p>3- Pemegang amanah ialah pihak bebas yang melindungi kepentingan pelabur dan memastikan pengurus bertindak menurut surat ikatan dan Garis Panduan SC.</p>
Objektif Pelaburan	Dana berusaha mencapai pertumbuhan modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah.
Polisi & Strategi Pelaburan	<p>Pengurus akan menentukan peruntukan aset yang sesuai untuk pelaburan ekuiti dan Sukuk berdasarkan gambaran yang wujud tentang kedua-dua kelas aset tersebut. Pengurus akan menggunakan strategi peruntukan aset yang aktif untuk mengatasi pencapaian penanda arasnya dengan melabur di dalam kedua-dua ekuiti dan Sukuk. Dalam memutuskan peruntukan aset, Pengurus akan mengambil kira prospek kadar faedah, perkembangan dalam ekonomi global dan Malaysia, persekitaran pasaran kewangan dan kecairan dalam pasaran ekuiti dan Sukuk.</p> <p>Dana boleh melabur sehingga 99% daripada NABnya dalam ekuiti patuh Syariah untuk mengambil kesempatan daripada peluang yang ada. Dana juga boleh melabur sehingga 99% daripada NABnya di dalam Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam untuk mengambil kesempatan daripada peluang yang ada dengan melabur dalam Sukuk. Hal ini memberikan Dana fleksibiliti untuk melabur dalam kedua-dua ekuiti patuh Syariah dan Sukuk serta instrumen pasaran wang Islam. Dana akan mengekalkan sekurang-kurangnya 1% daripada NABnya dalam aset cair Islam.</p>
Peruntukan Aset	Dana ini boleh melabur sehingga 99% daripada NAB dalam ekuiti patuh Syariah tetapi ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan ekonomi dan pasaran saham. Peruntukan dalaman untuk wang tunai dan aset cair Islam yang lain akan dikekalkan untuk memastikan bahawa Dana mampu untuk memenuhi permintaan penebusan tanpa menjejaskan prestasi Dana. Dana juga boleh melabur sehingga 99% daripada NAB Dana dalam Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam.

Urus Niaga Unit	Pelaburan Permulaan Minimum	Pelaburan Tambahan Minimum	Amaun Pegangan Minimum
	RM1,000	RM100	1,000 Unit
	<i>Pengurus mempunyai budi bicara untuk menerima jumlah yang lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas sekiranya difikirkan patut oleh Pengurus.</i>		
Pembelian Unit	Pelaburan permulaan minimum bagi Unit Dana ialah Satu Ribu Ringgit (RM1,000) atau amaun lain yang lebih rendah yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa. Pelaburan tambahan minimum bagi Unit Dana ialah Satu Ratus Ringgit (RM100) atau amaun lain yang lebih rendah yang akan diputuskan oleh Pengurus dari semasa ke semasa.		

Pelabur tidak dibenarkan membuat bayaran tunai kepada mana-mana ejen individu atau dibankkan ke akaun ejen individu apabila membeli Unit Dana

Pengurus	BIMB Investment Management Berhad (BIMB Invest)
Profil Korporat Pengurus	BIMB Invest ialah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad. BIMB Invest, syarikat pengurusan dana Islam berlesen, diperbadankan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Invest telah berkecimpung dalam industri unit amanah selama 24 tahun.
Pemegang Amanah	AmanahRaya Trustees Berhad
Peguam Cara	Tetuan Wei Chien & Partners
Juruaudit	KPMG Desa Megat PLT
Penasihat Cukai	KPMG Tax Services Sdn Bhd
Jawatankuasa Syariah	Dr Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon Profesor Madya Dr. Asmak binti Ab. Rahman Dr. Azrul Azlan bin Iskandar Mirza

5. Apakah hasil yang mungkin diperolehi daripada pelaburan saya?

Pelabur mungkin mendapat perolehan daripada kenaikan harga unit hasil kenaikan nilai asas dan/atau akaun keuntungan yang diperolehi.

Walaupun bagaimanapun, pelaburan melibatkan risiko. Nilai Dana dan agihannya (jika ada) kemungkinan naik atau jatuh. Faktor-faktor risiko ini mungkin akan menyebabkan anda hilang sebahagian atau keseluruhan pelaburan anda.

PRESTASI DANA

6. Purata jumlah pulangan tahunan bagi tempoh berakhir 31 Mac 2019:-

	1-Tahun	3-Tahun	5-Tahun	10-Tahun	Sejak Ditubuhkan
BIMB Dana i Flexi	-6.07	-1.05	N.A.	N.A.	-17.00
Penanda Aras	-4.14	2.07	N.A.	N.A.	3.70

7. Jumlah pulangan tahunan bagi 10 Tahun yang Lepas Berakhir 31 Mac:-

Tahun	BIMB Dana i Flexi	Penanda Aras
2019	-6.07	-4.14
2018	-2.08	3.38
2017	7.58	3.00
2016	-15.44%	-0.56%
2015	-0.80%	1.61%


Nota:

1. **Jumlah Pulangan** telah disahkan oleh Novagni Analytics & Advisor Sdn. Bhd. (363145-W).

2. **Jumlah Pulangan Purata** adalah berpandukan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Pulangan}}{\text{Bilangan Tahun Bawah Kajian}}$$

8. Prestasi Dana dan penanda aras bagi tempoh yang berikut:-



9. Peruntukan Aset

Setakat 31 Mac	2017	2018	2019
Ekuiti	89.00%	76.30%	91.90%
Sukuk	Nil	Nil	Nil
Tunai + Pasaran Wang	11.00%	23.70%	8.10%

Pendedahan ekuiti dana telah meningkat kepada 91.90% pada 31 Mac 2019 daripada 76.30% pada 31 Mac 2018 untuk mengekalkan aras pelaburan optimum dalam pasaran ekuiti domestik.

10. Nisbah pusing ganti portfolio (PTR)

Bagi Tahun Berakhir 31 Mac	2017	2018	2019
BIMB Dana i Flexi(kali)	3.33	4.27	2.53

PTR Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2019 telah menurun daripada 4.27 kali pada 2018 kepada 2.53 kali disebabkan oleh kurangnya aktiviti perdagangan.

PTR dikira seperti yang berikut:-

$$\text{PTR} = \frac{[\text{Jumlah perolehan Dana bagi tahun berkenaan} + \text{Jumlah pelupusan Dana bagi tahun berkenaan}] / 2}{\text{Purata nilai aset bersih Dana bagi tahun kewangan yang dikira secara harian}}$$

11. Pengagihan Pendapatan

	2017	2018	2019
Pengagihan kasar seunit (sen)	Nil	Nil	Nil
Pengagihan bersih seunit (sen)	Nil	Nil	Nil

SEJARAH PRESTASI KEWANGAN DANA

12. Ekstrak Penyata Untung atau Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif yang Telah Diaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac

	2017 RM	2018 RM	2019 RM
Jumlah Pendapatan Pelaburan	523,655	297,476	-153,083
Jumlah Perbelanjaan	131,457	120,131	92,389
Jumlah Pendapatan Sebelum Cukai	392,198	177,345	-245,472
Jumlah Pendapatan Selepas Cukai	392,198	177,345	-245,472

13. Ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan yang Telah Diaudit Setakat 31 Mac

	2017 RM	2018 RM	2019 RM
Jumlah Pelaburan	5,485,399	2,751,271	3,003,975
Jumlah Lain-Lain Aset	985,524	2,788,187	302,985
Jumlah Aset	6,470,923	5,539,458	3,306,960
Jumlah Liabiliti	305,745	1,932,664	38,460
Modal Pemegang Unit/NAB	6,165,178	3,606,794	3,268,500
NAB/unit (sen)	22.56	22.09	20.75

14. Nisbah Pengurusan Perbelanjaan (MER) Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas ditunjuk seperti dibawah:-

Dana	2017	2018	2019
BIMB Dana i Flexi (%)	2.05	2.22	2.49

MER Dana dikira seperti yang berikut:-

$$\text{MER} = \frac{\text{Fi Dana} + \text{perbelanjaan Dana} \times 100}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana bagi tahun berkenaan yang dikira secara harian}}$$

15. Perbelanjaan Tahunan Ditanggung oleh Dana bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2018

Dana	Fi Pengurusan		Fi Pemegang Amanah		Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		Jumlah Perbelanjaan Tahunan	
	RM	%*	RM	%*	RM	%*	RM	%*
BIMB Dana i Flexi	55,589	1.50	1,853	0.05	34,947	0.94	92,389	2.49

* Peratusan yang ditunjukkan adalah sebagai peratusan daripada purata NAB dikira setiap hari.

PRESTASI MASA LEPAS DANA BUKAN PETUNJUK PRESTASI MASA HADAPAN.

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI DANA DINYATAKAN DALAM LAPORAN TAHUNAN DANA DAN LAPORAN TAHUNAN DISEDIAKAN ATAS PERMINTAAN .

RISIKO UTAMA

16. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

Anda terdedah kepada risiko berikut:

- Risiko Sekuriti Tertentu** – Risiko sekuriti tertentu merujuk kepada risiko melabur dalam mana-mana sekuriti tertentu. Risiko sekuriti tertentu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tindakan guaman, persekitaran operasi yang bersaing, kemerosotan keuntungan dan salah urus syarikat tertentu yang menerbitkan sekuriti. Risiko ini boleh dikurangkan melalui analisa sekuriti oleh Pengurus.
- Risiko Kredit/Kegagalan Membayar** – Risiko kredit berkaitan dengan kepercayaan kredit penerbit Sukuk dan keupayaan jangkaan mereka untuk membuat pembayaran tepat untuk faedah dan / atau prinsipal. Mana-mana keadaan buruk yang dihadapi oleh penerbit boleh memberi kesan kepada nilai dan juga kecairan Sukuk. Dalam kes Sukuk diberi nilai, ini boleh membawa kepada penurunan kredit. Risiko kegagalan membayar berkaitan dengan risiko bahawa penerbit Sukuk sama ada gagal membayar bayaran atau gagal untuk membuat bayaran tepat pada masanya yang seterusnya akan menjejaskan nilai instrumen hutang. Ini boleh menjejaskan nilai Dana.
- Risiko Kadar Untung/ Faedah** – Secara umum, perubahan pada tahap kadar faedah am* boleh menyebabkan harga Sukuk berubah secara songsang. Risiko ini boleh dikurangkan melalui pegangan pelaburan di dalam Sukuk sehingga tempoh matang bagi mengunci hasilnya. Pengurus juga mengurus risiko kadar untung/faedah dengan mempertimbangkan kepekaan setiap Sukuk terhadap perubahan untung/kadar faedah seperti yang diukur melalui tempohnya.

**Nota: Istilah kadar faedah tidak sama sekali mencadangkan bahawa Dana akan melabur dalam sekuriti atau instrumen yang tidak mematuhi Syariah. Semua pelaburan yang dibuat untuk Dana adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.*

- Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah** – Risiko ini merujuk kepada risiko sekuriti patuh Syariah yang dipegang pada masa ini yang tersenarai di Bursa Malaysia (contohnya syer biasa, waran dan hak langganan boleh pindah milik) dalam portfolio Dana yang boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam kajian semula sekuriti patuh Syariah yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) SC dari semasa ke semasa. Jika ianya berlaku, Pengurus akan bertindak

menurut panduan yang dikeluarkan oleh SAC bagi memastikan Dana mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Pengurus juga mempunyai satu Jawatankuasa Syariah dalaman yang bermesyuarat sekali setiap suku tahun untuk memberi bimbingan dan nasihat dalam memastikan pelaburan Dana dijalankan mengikut kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip Syariah.

FI & CAJ

17. Apakah fi dan caj yang terlibat?

Terdapat fi dan caj yang terlibat dan pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan fi dan caj tersebut sebelum melabur dalam Dana.

Jadual ini menerangkan fi dan caj yang mungkin **ditanggung secara langsung** apabila anda membeli atau menebus Unit.

Caj Jualan	Pengurus akan mengenakan caj jualan sehingga 5.00% daripada NAB seunit ke atas penjualan unit. <i>Pelabur boleh berunding bagi mendapatkan caj jualan yang lebih rendah sebelum penyempurnaan jualan.</i>	
Caj Penebusan	Pengurus TIDAK akan mengenakan apa-apa fi penebusan ke atas apa-apa urus niaga penebusan.	
Fi Pemindahan Dana	Tiada	
Fi Pertukaran Dana	Fi pertukaran dana mungkin dikenakan oleh Pengurus seperti yang berikut:-	
Fi Pertukaran Dana	a. Kali pertama	: Tiada
Fi Pertukaran Dana	b. Kali ke-2 dan seterusnya	: RM25 setiap transaksi (Fi pertukaran dana dikecualikan kepada pelabur yang mempunyai pelaburan melebihi RM100,000 dan ke atas dengan BIMB Invest).

Fi pertukaran dana kali ke-2 dan seterusnya diatas tertakluk kepada cukai kerajaan atau apa jua cukai jualan atau levi lain yang akan dibayar oleh pemegang unit.

Jadual ini menerangkan fi dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung **secara tidak langsung** apabila anda melabur dalam Dana.

Fi Pengurusan Tahunan	Upah Pengurus dibayar melalui fi pengurusan tahunan yang dicaj kepada Dana. Fi dikira secara harian pada kadar 1.50% setahun daripada NAB Dana dan dibayar kepada Pengurus setiap bulan.
Fi Pemegang Amanah Tahunan	Fi ini dibayar oleh Dana kepada Pemegang Amanah untuk tugas-tugasnya. Fi dikira secara harian pada kadar 0.05% setahun daripada NAB Dana.

Perbelanjaan Dana	<p>Perbelanjaan Dana termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • komisen yang dibayar kepada broker; • fi juruaudit; • fi penasihat cukai; • fi penilaian; • fi profesional lain yang berkaitan; • cukai dan duti lain yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain; • fi penjagaan bagi pelaburan asing, jika ada; • kos mencetak dan mengedarkan laporan tahunan dan laporan interim; • kos bagi pengubahsuaian Surat Ikatan selain pengubahsuaian untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah; dan • apa-apa notis lain kepada Pemegang Unit serta perbelanjaan yang berkait secara langsung dan perlu untuk pentadbiran Dana seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan.
Lain-lain	<p>Dalam menjalankan urusan niaga, caj tertentu mungkin harus ditanggung. Pelabur perlu menanggung caj urusan niaga tersebut, contohnya, caj bank, caj telegraf, caj kurier, cukai kerajaan atau apa jua cukai jualan atau levi lain (mana-mana yang berkaitan).</p> <p>Pengurus berhak mengubah syarat tersebut dari semasa ke semasa, yang akan dimaklumkan kepada pelabur secara bertulis.</p>

Nota:

- ***Pengurus boleh, atas apa-apa sebab dan pada bila-bila masa, mengetepikan atau mengurangkan amaun apa-apa fi atau caj yang perlu dibayar oleh pemegang unit berhubung dengan Dana.***

PENILAIAN DAN PENARIKAN DARIPADA PELABURAN

18. Berapa kerapkah penilaian dilakukan?

Penilaian Dana dilakukan di penghujung setiap Hari Perniagaan. Pemegang Unit boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan Dana daripada laman web BIMB Invest di <http://www.bimbinvestment.com.my>. NAB seunit harian bagi Dana boleh didapati di pejabat urusan Pengurus.

19. Bagaimanakah saya boleh menarik diri daripada pelaburan ini dan apakah risiko dan kos yang terlibat?

- Anda boleh menarik diri daripada Dana dengan menebus pelaburan anda dalam Dana pada bila-bila masa hanya dengan melengkapkan borang permohonan penebusan dan mengembalikannya kepada pejabat urusan BIMB Invest dan/atau di cawangan Bank Islam yang terdekat semasa waktu perniagaan/urusan bank biasa.
- Pengurus tidak mengenakan apa-apa amaun minimum bagi apa-apa urusan niaga pengurusan. Walau bagaimanapun, amaun minimum bagi apa-apa urusan niaga penebusan tertakluk pada keperluan pegangan minimum.
- Anda akan menerima hasil penebusan dalam tempoh 10 hari dari hari Pengurus menerima permintaan penebusan dan sebelum tamat had masa.
- Had masa bagi urusan niaga penebusan adalah pada atau sebelum jam 4.00 petang pada mana-mana Hari Perniagaan. Had masa akan ditentukan berdasarkan waktu dan tarikh cop yang dibuat oleh pejabat kami. Jika permintaan penebusan diterima selepas had masa yang disebut di atas, permintaan tersebut akan dianggap sebagai diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.

- Tempoh bertenang selama enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh Pengurus menerima pelaburan diberikan kepada pelabur yang melabur dengan BIMB Invest untuk kali pertama.
- Dalam tempoh bertenang, pelabur yang mengubah fikirannya tentang pelaburan amanah saham yang dibuat, dia boleh melaksanakan hak tempoh bertenangnya dengan mengemukakan permohonan bertenang kepada BIMB Invest, di cawangan Bank Islam yang terdekat atau melalui IUTA kami yang diberi kuasa.
- Pada dasarnya, pelabur akan menerima bayaran balik penuh daripada amaun pendahuluan yang dibayar untuk belian Unit dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh penerimaan permohonan bertenang oleh Pengurus.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

20. Siapakah yang harus saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

Anda boleh menghubungi kami di alamat berikut:

BIMB Investment Management Berhad
 Aras 19, Menara Bank Islam,
 No. 22, Jalan Perak,
 50450 Kuala Lumpur.
 Tel. : 03-2161 2524 / 03-2161 2924
 Faks : 03-2161 2464
 Nombor Bebas Tol: 1800-88-1196
 E-mel : marketing.bimbinvest@bankislam.com.my
 Laman Web : <http://www.bimbinvestment.com.my>

Pejabat Cawangan Johor Bahru

33 Jalan Indah 15/2,
 Taman Bukit Indah,
 79100 Nusajaya,
 Johor Darul Takzim
 Tel : 07- 239 5608

Pejabat Cawangan Kelantan

PT 433 & 434
 Jalan Padang Garong,
 15000 Kota Bharu,
 Kelantan
 Tel : 017-9301302

Pejabat Agensi Melaka (Qashrina Agency)

SU 1447, Tingkat 1,
 Taman Masjid Tanah Ria Utama, 78300 Masjid Tanah, Melaka
 Tel :06-3851076

Pejabat Agensi Selangor (Fareed Agency)

No 19-1 Medan Bukit Indah 4,
 Taman Bukit Indah,
 68000 Ampang,
 Selangor
 Tel : 03-42957388

Pejabat Agensi Kuantan

No 205 Tingkat 2,
 Bangunan Mahkota Square,
 Jalan Mahkota,
 25000 Kuantan,
 Pahang
 Tel : 019-9762067

Cawangan Bank Islam yang terdekat

Pejabat IUTA lain seperti berikut:

IFAST Capital Sdn Bhd (782978-H)

Aras 28, Menara Standard Chartered
No.30, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2149 0500
Faks : 03-2143 1218

Phillip Mutual Berhad

B-2-7, Block B, Unit 7, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2783 0300
Faks : 03-2166 6417
Talian Khidmat Pelanggan : 03-2783 0200
Faks : 03-2711 3036
Emel : phillipmutual@poems.com.my

Kenanga Investment Bank Berhad

Level 17, Kenanga Tower
237 Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-21722888
Fax : 03-21722999

Amanahraya Investment Management Sdn Bhd

Tingkat 7 & 8, Wisma Amanahraya,
2, Jalan Ampang,
50508 Kuala Lumpur
Tel: 03-26875200
Fax : 03-26875300

21. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:

Jabatan Rangkaian & Pengagihan Maklum Balas

Tingkat 18, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Faks : 03-2782 1337

22. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada:

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC):

- (a) melalui telefon di
- (b) melalui faks ke
- (c) melalui e-mel ke
- (d) melalui surat kepada

: 03-2282 2280
: 03-2282 3855
: info@sidrec.com.my
: **Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)**
Unit A-9-1, Aras 9, Menara A Menara
UOA Bangsar,
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur.

23. Anda juga boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi

Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti:

- (a) melalui telefon di Talian Utama Aduan : 03- 6204 8999
- (b) melalui faks ke : 03- 6204 8991
- (c) melalui e-mel ke : aduan@seccom.com.my
- (d) melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.sc.com.my
- (e) melalui surat kepada : Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur.

24. Biro Pengaduan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM)

- (a) melalui telefon di : 03 – 2092 3800
- (b) melalui faks ke : 03 – 2093 2700
- (c) melalui e-mel ke : complaints@fimm.com.my
- (d) melalui borang aduan dalam talian yang boleh didapati di : www.fimm.com.my
- (e) Melalui surat kepada : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers
Malaysia
19-06-1, 6th Floor, Wisma Tune,
No.19, Lorong Dungun,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN: GLOSARI

“Bursa Malaysia”	Pertukaran stok yang diuruskan dan dikendalikan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.
“Hari Urus Niaga”	Hari di mana Bursa Malaysia dibuka untuk dagangan.
“Dana”	BIMB / Flexi Fund.
“Jangka Panjang”	Bermaksud tempoh lebih daripada lima (5) tahun.
“NAB”	Nilai Aset Bersih.
“SC”	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
“Sukuk”	Dokumen atau sijil yang mendokumenkan pemilikan yang tidak dibahagikan atau pelaburan di dalam aset yang berlandaskan prinsip dan konsep Syariah. Sak (tunggal kepada Sukuk) didagangkan secara bebas pada tara, premium atau diskaun.
“Unit”	Unit Dana.
“Pemegang Unit/Pelabur”	Orang yang berdaftar sebagai pemegang Unit Dana dan yang namanya tercatat dalam daftar Pemegang Unit.